

KENYATAAN AKHBAR

AWAS! INDIVIDU MENYAMAR SEBAGAI PEGAWAI PENGUATKUASA CIDB

KUALA LUMPUR, 18 MEI: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia mengingatkan agar semua kontraktor binaan di seluruh negara berwaspada dengan mana-mana individu yang menyamar sebagai pegawai penguatkuasa CIDB.

Ini berikutan terdapat laporan baru diterima oleh CIDB bahawa salah seorang kontraktor telah menerima panggilan telefon daripada individu tertentu yang menyamar sebagai pegawai penguatkuasa CIDB dengan meminta sejumlah wang.

Modus operandi baru sindiket ini ialah dengan mengenal pasti syarikat kontraktor yang sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan dan kemudian menghubungi pengurus projek binaan tersebut dengan menyatakan mereka mempunyai bukti tentang kesalahan yang dilakukan oleh syarikat berkenaan.

Individu yang menyamar sebagai pegawai penguatkuasa CIDB itu kemudiannya mengarahkan kontraktor terbabit supaya mengeluarkan sejumlah besar bayaran, kononnya untuk meluluskan permohonan segera Kad Hijau pekerjaanya sekiranya tidak mahu dikenakan kompaun lebih tinggi mengikut Akta 520 (Pindaan 2011) CIDB.

Di dalam kes ini, syarikat kontraktor tersebut telah mengambil langkah bijak dengan menghubungi persatuan pembinaan untuk merujuk perkara ini terus kepada CIDB.

CIDB mengingatkan kontraktor dan personel binaan bahawa sebarang pembayaran kepada CIDB hanya boleh dilakukan di kaunter pejabat negeri, cawangan CIDB ataupun melalui akaun CIDB.

Sekiranya menerima panggilan daripada mana-mana individu yang mencurigakan, kontraktor diminta mendapatkan butir-butir lanjut pemanggil seperti nama penuh

pemanggil, nombor telefon, alamat pejabat dan maklumat lain yang dianggap penting sebagai pengesahan.

Pada masa yang sama, sila catat nombor plat kenderaan yang dipandu dan mengambil gambar pegawai berkenaan jika perlu sekiranya individu atau mana-mana pihak ingin membuat penguatkuasaan di tapak bina.

Sila hubungi CIDB Careline di 1 300 88 CIDB (2432) atau CIDB cawangan negeri terdekat untuk sebarang pertanyaan atau pengesahan.

#####

Tentang CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa	rakis@cidb.gov.my	03-4047 6272 / 012-6200 360
Noryani Ismail	noryani@cidb.gov.my	03-4047 7027 / 019-285 6867